

Tanggungjawab anak terhadap ibunya



BICARA KAMPUS

Oleh ZAITON MOHAMAD
zaiton.mohamad@yahoo.com

UB 21.5.2614 B12

RAMAI di antara kita merasakan malu dan segan untuk memeluk dan mencium ibu sendiri. Apatah lagi apabila melihat kedutan-kedutan yang semakin di mamah usia. Malah ada yang berasa geli untuk berbuat sedemikian. Mungkin juga ada yang menganggap perbuatan memeluk dan mencium ibu sebagai satu perbuatan yang janggal dan ganjil. Jika ada yang berfikir sebegini, cuba tanya diri sendiri adakah anda datang dari langit tanpa dilahir dan dibesarkan?

Justeru itu pada kali ini saya ingin berkongsi mengenai sebuah tanggungjawab yang sedang dilupakan. Apatah lagi sekiranya kita tergolong dalam golongan yang berjaya, memikul tanggungjawab sebagai ibu bapa dan hidup dalam komuniti sudah tentu sehari seolah-olah tidak mencukupi untuk membuat pelbagai kerja. Namun dalam kehairahan mengejar kerjaya, membantu komuniti dan anak-anak, sewajarnya kita tidak

boleh melupakan peranan dan tanggungjawab kepada ibu sendiri. Ibu merupakan orang yang paling dekat dengan kita. Ibu yang mengandung, melahirkan dan menjaga sehinggalah dewasa dan berjaya menamatkan pengajian. Malah mungkin juga sepanjang hidupnya tumpuan selalu dilebihkan kepada kita. Pendek kata, semua kemahuan kita ibu tidak pernah hampakan. Namun begitu saban hari banyak kes yang berlaku menunjukkan betapa rapuhnya kasih sayang anak terhadap ibunya. Hati mana tidak tersentuh apabila menyaksikan terdapat banyak kes penderhakaan terhadap ibu. Ada manusia yang sanggup melawan dan menengking ibu, lari dari rumah kerana bosan mendengar nasihat ibu, membiarkan ibu berseorangan, tidak bertanya khabar ibu di kampung malah ada yang sanggup memukul ibu hanya kerana perselisihan kecil.

Jadi sempena dengan sambutan Hari ibu ini, marilah kita sama-sama mengingati jasa-jasa mereka yang banyak berkorban dan berjasa kepada kita. Dulunya, kita adik-beradik tinggal sebumbung menjadikan suasana di rumah cukup riuh-

rendah. Apabila masing-masing sudah berkeluarga kenangan indah itu semakin lama semakin lenyap. Namun hati seorang ibu sememangnya amat rindukan suasana gelak dan tawa itu. Mungkin juga mereka sedang mengimbau memori bersama anda semua, betapa kecoh dan cerianya kehidupan ketika kecil. Kenangan itu mungkin menjadi peneman hidup mereka di kala usia semakin senja. Jadi pulanglah ke rumah ibu sementara mereka masih ada dan bagi anak lelaki yang sudah berumah tangga jangan sesekali menyisihkan ibu kerana tanggungjawab mereka tidak terhenti walaupun sudah memiliki keluarga sendiri.

Dalam agama Islam ada Firman Allah yang bermaksud: "Dan Kami wasiatkan kepada manusia, terhadap ibu bapanya. Ibunya mengandungkan dengan (menderita) kelemahan di atas kelemahan dan menceraikannya daripada susuan dalam dua tahun (iaitu): Bersyukurlah kepada-Ku dan kepada ibu bapamu. Kepada-Ku tempat kembali." (Surah al-Lukman ayat 14).

Hanya Allah mampu membalas bakti dan jasa ibu kepada

anaknyanya. Ibu tidak pernah mengeluh atau kecewa apabila ditimpa kesusahan demi anak tersayang. Justeru, kita dilarang sama sekali untuk melakukan penderhakaan kepada ibu, mengecilkan hati, melawan atau mengherdik. Menderhaka kepada ibu adalah satu dosa yang amat besar dan tidak akan mencium bau syurga meskipun mereka melakukan amal ibadat yang lain. Keadaan itu adalah sama walaupun sudah berumah tangga dan mempunyai keluarga terutamanya untuk anak lelaki.

Terdapat kisah pada zaman nabi apabila ada seorang lelaki yang datang berjumpa dengan baginda kemudian menyampaikan hasratnya menyertai baginda berjihad. Baginda menjawab bukan seperti, "Adakah kamu handal dalam menunggang kuda?", "Adakah kamu bijak bermain pedang", "Adakah kamu mempunyai tubuh badan yang kuat dan sihat?" Tetapi baginda bertanya kepada lelaki berkenaan "Adakah kamu masih mempunyai ibu dan bapa?" Kemudian lelaki itu menjawab: "Saya sudah tiada bapa, tetapi masih mempunyai seorang ibu di rumah". Baginda berkata "Adakah ibumu

tidak memerlukanmu untuk menjaganya? Lelaki berkenaan menjawab: "Semestinya dia memerlukan saya". Baginda menasihatinya: "Pulanglah kamu ke pangkuan ibu kamu kerana sekiranya kamu berbakti kepadanya, sesungguhnya pahala yang kamu akan terima adalah sama seperti pahala jihad fisibleillah.

Oleh yang demikian berbuat baiklah kepada kedua ibubapa dan juga kedua ibubapa mertua. Lantaran itu, berbaktilah kepada mereka sementara mereka masih hidup. Jangan pula apabila mereka sudah meninggal dunia, barulah kita mahu membina batu nisan terbaik atau mencetak surah Yasin khas untuk membuktikan kepada dunia yang anda amat menyayangi mereka.

Sambutan Hari Ibu belum cukup untuk membalas jasa ibu selama ini. Imam Bukhari meriwayatkan sebuah kisah daripada Said bin Abi Burdah berkenaan seorang lelaki Yaman yang bertawaf sambil mendukung ibunya dengan penuh cermat. Sesudah selesai tawaf, beliau bertanya Ibnu Umar: Apakah dengan khidmat dan pengorbananku ini dapat

membalas jasa bakti ibuku? Jawab Ibnu Umar: Tidak, apa yang kamu lakukan tadi tidak akan dapat menebus jasa ibumu sekalipun sekadar hembusan nafas ketika kesakitan melahirkan kamu.

Namun, usaha anda untuk sama-sama meluangkan masa balik ke kampung dan berkumpul kemudian mengadakan majlis makan bersama meraikan ibu tercinta boleh menjadi permulaan kepada satu usaha yang baik. Kegembiraan ibu apabila melihat kepulangan anak sudah menjadi satu ibadah. Adalah menjadi dosa besar kepada anak yang menderhaka terhadap ibu.

Walaupun terdapat perbezaan agama dan kepercayaan, ibu tetap ibu dan kasih sayang kepada mereka tetap sama. Justeru itu sempena dengan sambutan Hari Ibu ini marilah kita kembali kepangkuan ibu, kata-kata dan senyuman mereka mampu menjadi terapi yang paling baik untuk ketenangan jiwa dan mental kita semua. Oleh yang demikian hargailah ibu anda semua.

* Penulis adalah Pegawai Psikologi Bahagian Kaunseling dan Bimbingan Kerjaya, HEP Universiti Malaysia Sabah